

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

Wanita hamil disarankan tangguh ambil vaksin

Bagi mengelakkan sebarang kesan sampingan yang mungkin wujud

KUALA LUMPUR

Wanita mengandung serta yang menyusu anak disarankan menagguhkan pengambilan vaksin Covid-19 Pfizer-BioNTech bagi mengelak sebarang kesan sampingan yang mungkin wujud.

Pensyarah Perubatan Mikrobiologi Universiti Putra Malaysia, Profesor Madya Dr Ni-azlin Mohd Taib berkata, ini kerana buat masa ini belum ada bukti klinikal untuk menyokong penggunaan vaksin itu dalam kalangan golongan berkenaan.

"Ibu mengandung tidak boleh mengambil vaksin yang menggunakan 'live virus' dan kalau ikutkan vaksin Pfizer-BioNTech ini tidak menggunakan 'live viru', tetapi ia menggunakan messenger ribonucleic acid (mRNA).

"Jadi sepatutnya tidak menjadi masalah untuk ibu mengandung dan yang menyusu bayi untuk mengambil vaksin tersebut memandangkan ia adalah mRNA.

"Namun, kerana tidak ada data lagi termasuklah daripada Pfizer sendiri, maka kalau boleh tunggu dahulu," katanya dalam



Wanita mengandung serta yang menyusu anak disarankan menagguhkan pengambilan vaksin Covid-19 bagi mengelak sebarang kesan sampingan yang mungkin wujud.

program *Koresponden* menerusi Bernama TV di sini pada Isnin.

Mengenai alahan yang mungkin wujud pada mereka yang menerima suntikan vaksin Covid-19, beliau berkata, orang ramai tidak perlu khuatir jika tidak mempunyai apa-apa alahan terhadap kandungan di dalam vaksin tersebut.

Beliau berkata, vaksin Pfizer-BioNTech, selain mRNA sebagai kandungan aktif utama, ia juga mempunyai pelbagai bahan kimia yang tidak aktif termasuklah polyethylene glycol (PEG) yang berkemungkinan menyebabkan alahan.

"PEG sebenarnya digunapakai dalam kehidupan seharian seperti dalam pengawet makanan dan minuman serta kadangkala ada dalam krim untuk kulit.

"Apa yang penting, kita sendiri tahu apakah alahan-alahan kita terhadap makanan ataupun ubat-ubatan, dan maklumkan kepada pegawai kesihatan ketika hendak mendapatkan suntikan vaksin tersebut," katanya.

Bagaimanapun, beliau berkata, mereka yang mempunyai alahan tetap boleh mengambil suntikan tersebut dengan langkah berjaga-jaga, malah akan ada pekerja bahagian kecemasan bersedia untuk bertindak dengan segera sekiranya berlaku alahan.

Katanya, mereka yang pernah mendapat alahan teruk terhadap vaksin tidak digalakkan untuk mengambil suntikan tersebut, malah mereka yang mempunyai imuniti yang sangat rendah termasuklah melalui kimoterapi, dikecualikan daripada mengambil vaksin berkenaan. - *Bernama*

Petugas kesihatan ATM diberi keutamaan suntikan vaksin

KUALA LUMPUR - Lebih 4,000 petugas kesihatan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) akan diberikan keutamaan untuk menerima suntikan vaksin Covid-19 Pfizer-BioNTech dalam fasa pertama Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan.

Pemangku Pengerusi Jawatankuasa Strategik Vaksin Covid-19/Insp Jen Bahagian Perkhidmatan ATM, Brigadier Jeneral Datuk Dr Rosman Ab Rahman berkata, sebanyak 4,680 dos vaksin diterima ATM pada Isnin.

"Pemberiaan vaksin akan dilakukan selepas Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin yang dijadualkan menerima vaksinasi pada Rabu ini. Ini adalah penghantaran pertama diterima ATM daripada enam penghantaran yang akan diperolehi secara berperingkat mengikut perancangan ditetapkan kerajaan.

"Kami masih lagi merancang (tentang) siapa yang akan dapat vaksin. (Namun), keutamaan adalah kepada petugas kesihatan ATM, petugas barisan hadapan dan mereka yang bertugas di zon merah dan anggota bertugas di kawasan-kawasan penting juga akan pertimbangkan untuk waktu

ini," katanya pada sidang akhbar selepas menyaksikan penerimaan vaksin Covid-19 di Pusat Simpanan Vaksin (PSV) di 93 Depot Perubatan dan Pergigian ATM, Hospital ATM Tuanku Mizan, Wangsa Maju pada Isnin.

Dr Rosman berkata, untuk fasa pertama ini, sebanyak 32 peratus vaksin Covid-19 iaitu 84,240 dos akan diberi keutamaan kepada petugas kesihatan ATM dan petugas kesihatan awam Kementerian Pertahanan serta lain-lain petugas ATM yang akan diberi mengikut lokaliti kawasan diisytihar sebagai zon merah.

Sementara itu, Pengarah Farmasi Bahagian Perkhidmatan Kesihatan ATM, Brigadier Jeneral Datuk Dr A Halim Basari berkata, bagi fasa pertama program imunisasi ini dikehendaki kepada warga ATM dan kakitangan Kementerian Pertahanan (Mindef), manakala bagi fasa kedua dan ketiga pula akan melibatkan ahli keluarga ATM, tanggungan dan veteran.

Beliau berkata, keseluruhannya ATM akan menerima sebanyak 84,240 dos dalam enam penghantaran secara berperingkat hingga penghujung bulan Mac ini. - *Bernama*

Vaksin Covid-19 selamat tiba di dua PSV di Pulau Pinang

GEORGETOWN - Semua vaksin Covid-19 selamat tiba di dua buah Pusat Simpanan Vaksin (PSV) iaitu Hospital Pulau Pinang (HPP) dan Hospital Seberang Jaya (HSJ) jam 8 pagi Isnin.

Ketua Polis Pulau Pinang, Datuk Sahabudin Abd Manan berkata, susulan daripada itu, polis meningkatkan kawalan keselamatan di kedua-dua hospital tersebut.

Menurutnya, proses membawa vaksin tersebut dari gudang penyimpanan di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP) diiringi pasukan pengiring polis bagi memastikan keselamatan.

"Vaksin tersebut dibawa keluar dari gudang penyimpanan pada jam 8 pagi dan terus ke PSV pertama iaitu HPP. Selepas itu, dihantar pula ke PSV kedua iaitu di HSJ kira-kira jam 9 pagi.

"Proses penghantaran vaksin berjalan dengan lancar tanpa sebarang insiden tidak diingini. Kita juga meningkatkan kawalan keselamatan di kedua-dua PSV," katanya pada sidang akhbar di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Pulau Pinang pada Isnin.

Menurutnya, tarikh dan masa untuk penghantaran vaksin daripada PSV ke lima daerah di Pulau Pinang akan ditentukan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP).

"Kira-kira 6,000 pegawai dan anggota polis Pulau Pinang akan menerima suntikan vaksin, malah saya sendiri bersedia menjadi orang pertama untuk menerima suntikan.

"Keutamaan akan diberikan kepada anggota dan pegawai polis yang berada di barisan hadapan iaitu terdedah dengan jangkitan," katanya.



FOTO: BERNAMA

KLICK

PM TINJAU PPV | Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin menyaksikan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba melakukan demonstrasi penggunaan picagari khas Low Dead Volume (LDV) untuk kegunaan suntikan vaksin Covid-19 jenis Pfizer BioNTech semasa meninjau kesiapsiagaan pusat pemberian vaksin (PPV) di Institut Kanser Negara, Putrajaya pada Isnin. Hadir sama, Menteri Penyelaras Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar (kiri) dan Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Nor Hisham Abdullah (kanan).